

D688

U B851 BAH  
MAHATHIR - AJIB

JOHOR BAHRU, 8 APRIL (BERNAMA) -- KETUA PERHUBUNGAN UMNO JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BAHAWA PARA PEMERHATI DARI JOHOR KE PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI KUALA LUMPUR 24 APRIL, TIDAK AKAN MENIMBULKAN KEKACAUAN.

DATUK AJIB BERKATA BELIAU MEMBERI JAMINAN ITU KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, DALAM PERJUMPAAN TERTUTUP SELAMA DUA JAM DENGAN PARA PERWAKILAN JOHOR KE PERHIMPUNAN AGUNG ITU DI +SAUJANA+ - KEDIAMAN RASMI MENTERI BESAR JOHOR DI SINI.

BELIAU BERKATA BELIAU MEMBERI JAMINAN ITU KERANA PERDANA MENTERI, DALAM PERTEMUAN ITU, MENYATAKAN KEBIMBANGANNYA MENGENAI URA-URA UMNO JOHOR AKAN MEMBAWA +300,000 ATAU PUN 10,000+ PEMERHATI KE PERHIMPUNAN AGUNG ITU.

+SAYA MEMBERI JAMINAN KEPADA BELIAU BAHAWA UMNO JOHOR AKAN MENJAMIN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO BERJALAN DENGAN LICIN TANPA KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS PERTEMUAN TERTUTUP ITU.

DATUK AJIB, YANG JUGA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, BERKATA BADAN PERHUBUNGAN UMNO JOHOR AKAN MENGHANTAR PEMERHATI KE PERHIMPUNAN AGUNG KALI INI TETAPI TIDAK SEBANYAK YANG DIBAYANGKAN OLEH PERDANA MENTERI. -- LAGI.

1908MST 08 04 87

U B852 BAH  
MAHATHIR - AJIB 2 JOHOR BAHRU

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN JUMLAH PARA PEMERHATI YANG AKAN DIHANTAR KERANA MENURUTNYA IA TERPULANG KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN.

TAHUN LEPAS, UMNO JOHOR MENGHANTAR KIRA-KIRA 3,000 PEMERHATI KE PERHIMPUNAN AGUNG, KATANYA, SAMBIL MENAMBAH BAHAWA BILANGAN PEMERHATI KALI INI BELUM DITENTUKAN LAGI.

DATUK AJIB MEMINTA PARA PERWAKILAN DAN PEMERHATI JOHOR KE PERHIMPUNAN KALI INI SUPAYA MENGAWAL PERASAAN DAN BERHATI-HATI SEMASA MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU.

MENGENAI PERJUMPAAN ITU, DATUK AJIB BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI PENERANGAN KEPADA PARA PERWAKILAN MENGENAI ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM SIRI KEMPEN MENJELANG PEMILIHAN PARTI PADA 24 APRIL.

KATANYA, PERDANA MENTERI JUGA BERDIALOG +SECARA HATI KE HATI+ DENGAN PARA PERWAKILAN.

SEMENTARA ITU, KETIKA DITEMUI OLEH PARA PEMBERITA, DATUK SERI DR. MAHATHIR ENGGAN MENJAWAB SEBARANG PERTANYAAN DENGAN HANYA BERKATA: +TIADA KOMEN DAN TIADA SOALAN.+

ANTARA YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB, TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA ENCIK MUSTAPHA MOHAMED, TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM, HAJI DAUD TAHA, MENTERI BESAR JOHOR HAJI MUHYIDDIN YASSIN, SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI, DATUK SYED ZAIN IDRUS AL-SHAHAB DAN ANGGOTA PARLIMEN PULAI, DATUK MOHAMED RAHMAT. -- BERNAMA.

1910MST 08 04 87